

# Superfluous Things

PAPER

28 May–14 Aug 2022  
Tanjong Pagar Distripark

## ***Perkara yang Berlebihan: Kertas***

Kertas adalah pembawa idea. Pada kertas terdapat kepintaran bahan. Bagaimana cara seniman berfikir menggunakan kertas? Dalam dunia yang semakin bersifat digital, apakah kertas tetap relevan? Di tangan seniman, kertas menjadi jendela kepada himpunan ilmu, yang terkumpul bertahun lamanya dan sentiasa disesuaikan dan diperhalusi. Di sini, takrifan kertas agak longgar dan melambangkan perkataan, idea serta proses. Kertas ialah wadah di mana seniman boleh memaparkan pengalaman masing-masing, mempersembahkan diri dan mengukir zaman lampau dan masa kini. Pameran ini mengetengahkan karya seniman kontemporari sebagai tukang cerita, membangkitkan kenangan peribadi dan adat resam yang berharga, melalui tradisi mengolah kertas yang merentas zaman. Karya yang dipamerkan menakjubkan apabila helaian kertas diubah kepada objek yang menjadi santapan visual, sekaligus mewujudkan gema emosi yang mengasyikkan. Perjalanan bermula di sini dan bersambung di Bilik Enjin. Kami mempelawa anda untuk mengaktifkan lima deria dan melibatkan diri secara intensif dengan kertas, bahan-bahan dan banyak lagi, lantas mengubah apa yang biasa kepada sesuatu yang asing.

Nabilah Said  
(l. 1985, Singapura)  
*Lebih Kurang 100 Kenyataan  
Tidak Bermakna*  
2022 Dakwat pada kertas,  
pelbagai dimensi

*Lebih Kurang 100 Kenyataan Tidak Bermakna* merupakan koleksi sekitar 100 ayat yang merenung, meneroka dan mengubah penggunaan serta fungsi kertas dalam kehidupan harian kita, serta pelbagai makna yang diberikan padanya. Sebagai teks, karya ini menyampaikan keseluruhan spektrum makna dan provokasi minda kepada pembaca – daripada aksiom merapu dan persoalan-persoalan falsafah, kepada rujukan budaya pop, ulasan-ulasan tentang hubungan sosial, serta arahan untuk tindak balas kreatif. Teks ini meletakkan kertas sebagai bahan, namun turut menyuntiknya dengan keperibadian dan suara. Ini memberinya kuasa bertindak dan membolehkannya mengalihkan pandangan kembali kepada kemanusiaan dan masyarakat. Dalam *Lebih Kurang 100 Kenyataan Tidak Bermakna ini*, kertas juga menjadi lambang diri: penuh aksi rawak, emosi dan tenaga. Karya ini mendekatkan kita kepada pelbagai kemungkinan masa depan “kertas” yang hanya dibataskan oleh imaginasi sahaja.

Li Hongbo  
(l. 1974, China)  
*Bumi Cerita Dongeng*  
2010–2016  
Kertas, gam dan cermin,  
dimensi pelbagai

Li Hongbo mengubah medium kertas – salah satu daripada empat ciptaan agung peradaban China kuno – melalui dekonstruksi dan pemasangan semula. Sebagai seniman, Li suka bermain dengan kesamaran, dan arca beliau menarik perhatian kepada intipati yang terselindung dalam sesuatu objek. Ini menawarkan wadah kepada penonton untuk menimbang dan memikirkan semula sesuatu yang biasa. *Bumi Cerita Dongeng* menampilkan peta khayalan dunia, di mana benua dihasilkan menggunakan lapisan kertas yang dilekatkan dengan teliti dalam struktur berbentuk sarang lebah. Setiap struktur boleh diletakkan secara rata, dipintal atau diregangkan. Pemasangan berskala besar yang berwarna-warni ini secara halus menggambarkan benua berwarna-warni yang boleh dilentur menjadi cerminan halus geopolitik sempadan dan perbatasan. menjadikan unsur-unsur ini seperti kuasa dan sumber aktif dalam perhubungan politik, sosial dan ekonomi antarabangsa serta dalam negeri.

Cheryl Teo  
(l. 1988, Malaysia)  
*Hanya Sedikit Pada Satu-Satu  
Masa* 2017–2022  
Kertas dan gam, setiap satu  
sebesar kira-kira 6.5 × 7.5 sm

*Hanya Sedikit Pada Satu-Satu Masa* ialah projek yang diusahakan sendiri oleh Cheryl Teo. Dalam projek ini beliau membuat arca kertas sebesar kotak mancis setiap hari. Projek ini, yang pada mulanya dikenali sebagai *Projek 100 Hari* pada 2017, berpandukan beberapa peraturan yang ditetapkan oleh beliau sendiri. Menurut Teo, berkarya pada skala yang sekecil itu membolehkan beliau merenung sesuatu dengan perspektif lebih segar. Setiap ciptaan yang dihasilkan membolehkan beliau lebih memahami sifat kertas. Setiap karya kecil ini mengambil masa lima hingga enam jam untuk disiapkan. Beliau mencabar diri sendiri

untuk bereksperimen dengan proses dan naratif yang lebih rumit, dalam usahanya mencapai kecemerlangan. Perjalanan ini telah menajamkan kemahiran Teo – seperti membentuk teknik peribadi dalam kerja pembikinan menggunakan kertas – di samping mencari suara artistik beliau sendiri.

Jumaadi  
(l. 1972, Indonesia)  
*Joli Jolan*  
2022  
Kertas, pelbagai dimensi

*Joli Jolan* merupakan frasa yang diilhamkan oleh istilah Jawa *ijol ijolan*, merujuk kepada idea pertukaran – untuk menukar atau menggantikan objek. Di sini, Jumaadi menawarkan kita sekelumit gambaran kosmologi peribadi beliau yang menarik. Sekilas pandang, kosmologi beliau kelihatan ceria bersahaja, tetapi apabila dilihat lebih dekat ia mendedahkan dunia yang sangat aneh. Sesosok tubuh sedang membawa pelbagai objek besar seperti nenas dan kaki manusia serta gunung kecil dan bangunan yang dirimbuni dedaun. Motif berulang yang lain termasuk kerbau, pohon kehidupan, pokok tanpa akar dan akar tanpa pokok. Berpandukan pandangan hidup tradisional Jawa serta perspektif seorang nomad pasca moden yang menghuni alam sejagat di antara Imogiri (di Yogyakarta, Indonesia) dan Sydney, Jumaadi menganyam ikonografi peribadi yang dipenuhi motif manusia dan organik, di mana alam semulajadi, manusia dan haiwan bertemu.

PHUNK dan Keiichi Tanaami  
(ditubuhkan 1994, Singapura  
dan l. 1936, Jepun)  
*Bandar Eksentrik*  
2010/2022  
Cetakan pigmen pada kertas,  
pelbagai dimensi

*Bandar Eksentrik* ialah bandar terapung khayalan yang dibina daripada *tatebanko*, atau kertas diorama Jepun. Seniman Keiichi Tanaami teruja dengan seni kraf tradisional Jepun ini yang terkenal pada zaman Edo (1603–1867) dan Meiji (1868–1912). Beliau kemudian memperkenalkannya kepada kumpulan kesenian dan seni reka Singapura, PHUNK, lalu memulakan kolaborasi ini. Di satu sisi, landskap bandar dipenuhi alam hitam putih PHUNK berunsur taman tema karnival, manakala di sisi lain, landskap mimpi psikedelik warna-warni Tanaami mekar segar, mencerminkan rentak kehidupan bandar. Bagi PHUNK, taman-taman hiburan membentuk sebahagian daripada kenangan zaman kanak-kanak, manakala konsep psikedelik Tanaami bertitik tolak daripada dua fasa pembentuk dalam kehidupan beliau: menyaksikan pengeboman Tokyo ketika Perang Dunia Kedua, serta tempoh empat bulan di hospital pada 1981 apabila beliau dirawat kerana sakit paru-paru. Ketika itu Tanaami mengalami halusinasi setiap malam disebabkan ubat yang diambil.